

Lebih 380 Pemilik Proton e.MAS Bersama Keluarga Berkumpul Memeriahkan Rumah Terbuka Raya dan Meraikan Komuniti EV yang Semakin Berkembang di Malaysia

Kehadiran 380 pengunjung bersama konvoi 50 buah kereta Proton e.MAS mencerminkan bagaimana pemilikan EV di Malaysia kini bukan lagi sekadar tentang pemanduan, tetapi menjadi sebahagian daripada gaya hidup harian

SHAH ALAM, 15 April 2026 – PRO-NET, anak syarikat PROTON dan jenama EV No.1 Malaysia, baru-baru ini menjemput para pemilik ke sebuah Rumah Terbuka Raya bagi meraikan komuniti EV yang semakin berkembang. Bertempat di DoubleTree by Hilton Shah Alam i-City pada 12 April 2026, acara ini mencatat kehadiran lebih 380 pengunjung, terdiri daripada pemilik Proton e.MAS dari sekitar Lembah Klang.

Sambutan rumah terbuka ini dimeriahkan dengan konvoi 50 buah kenderaan Proton e.MAS, termasuk Proton e.MAS 7, Proton e.MAS 5 dan Proton e.MAS 7 PHEV, yang bergerak dari *PROTON Centre of Excellence* (COE) ke i-City, Shah Alam. Konvoi ini menjadi detik bermakna buat komuniti tersebut dengan semakin meningkat kehadiran EV dalam landskap mobiliti Malaysia.

Puan Salawati Mohd Yusoff, Ketua Pegawai Penjenamaan PRO-NET, berkata “Rumah Terbuka Raya ini bukan sekadar sambutan, tetapi lebih kepada menghargai para pemilik kami. Kami di PRO-NET sangat menghargai peluang untuk bertemu sendiri dengan pemilik Proton e.MAS, mendengar pengalaman dan maklum balas mereka secara terus dalam suasana yang penuh makna ini. Sebagai jenama EV No.1 Malaysia, kami akan terus membina komuniti ini dan memastikan pelanggan sentiasa rasa dihargai sepanjang perjalanan pemilikan mereka.”

Pengalaman Pemilikan Proton e.MAS Diperkasa Melalui Kerjasama Strategik

Sambutan ini turut menjadi platform untuk mengiktiraf dan menghargai para pemilik Proton e.MAS atas perjalanan mereka bersama jenama ini. Melalui siri Anugerah Penghargaan Pelanggan, PRO-NET meraikan pelbagai aspek pemilikan; Anugerah Pemanduan Jarak Jauh diberikan kepada pemilik dengan jumlah perbatuan tertinggi, Anugerah Penggunaan Pengecas Paling Tinggi pula mengiktiraf pemilik dengan kekerapan pengecasan tertinggi yang direkodkan melalui aplikasi Proton e.MAS, manakala Anugerah Penyertaan diberikan kepada pemilik yang aktif menyokong serta menyertai aktiviti anjuran PRO-NET.

PRO-NET sedang giat meneroka kerjasama dengan rakan strategik utama seperti ZUS Coffee dan Huawei sebagai sebahagian daripada inisiatif ekosistem yang semakin berkembang. Maklumat lanjut mengenai kerjasama ini serta manfaat yang akan datang akan dikongsi secara berperingkat. Pemilik Proton e.MAS digalakkan untuk sentiasa mengikuti perkembangan terkini melalui Komuniti Rasmi Proton e.MAS dan Aplikasi Proton e.MAS bagi mendapatkan pengumuman terkini.

Balik Kampung, Kini Lebih Mudah dengan Menaiki EV

Bagi kebanyakan orang, Raya kali ini merupakan pengalaman pertama balik kampung menggunakan EV, kini menjadi kebiasaan. Salah seorang pemilik Proton e.MAS, Muhammad Azri, berkongsi, “Menggunakan aplikasi Proton e.MAS menjadikan proses pengecasan sangat mudah. Saya dengan mudah boleh mencari lokasi pengecasan, merancang perhentian, dan memantau

proses sepanjang perjalanan. Ia menjadikan keseluruhan perjalanan terasa lancar dan dapat menghilangkan kerisauan yang saya ada pada awalnya tentang memandu EV untuk perjalanan jarak jauh.”

Seorang lagi pemilik yang telah mencatatkan perbatuan tinggi dengan kenderaan mereka, Muhammad Nasrun Afiq menambah, “Memandu Proton e.MAS untuk perjalanan jarak jauh ternyata sangat mudah dan selesa. Pemanduannya lancar dan dengan perancangan yang baik, perjalanan merentasi negeri kini bukan lagi satu kebimbangan. Ia telah mengubah pandangan saya terhadap EV sebagai pilihan yang praktikal untuk kegunaan harian dan juga perjalanan jauh.”

Proton e.MAS menggalakkan para pemilik untuk menyertai kumpulan di Facebook rasmi [Proton e.MAS Official Community](#) bagi terus berhubung, berkongsi pengalaman, serta menjadi sebahagian daripada aktiviti dan inisiatif yang akan datang. Melalui platform ini, PRO-NET bersama para pemilik lain memupuk semangat kekitaan yang kukuh, di mana komuniti bukan sahaja menerima maklumat dan sokongan daripada PRO-NET, tetapi juga saling membantu dan berinteraksi melalui perkongsian pengalaman serta hubungan yang bermakna.

#PROTONeMAS7PHEV #DualPoweredEV #OpenYourWorld #PROTONeMAS5 #OwnYourSpace
#FreedomThatElectrifies #eMAS5FirstAffordableEV

-Tamat-

Mengenai Proton e.MAS

Proton e.MAS ialah jenama kenderaan elektrik dan tenaga baharu nasional di Malaysia, merupakan sub-jenama PROTON dan diedarkan oleh PRO-NET. Dalam memainkan peranan penting dalam penerimaan EV serta pembangunan ekosistem jenama, Proton e.MAS komited untuk menerajui peralihan ke arah mobiliti lestari dengan komitmen yang kukuh terhadap inovasi dan kecemerlangan. Rangkaian pengedar yang semakin berkembang, perkhidmatan lepas jualan yang menyeluruh serta ekosistemnya memastikan setiap pelanggan menikmati pengalaman yang lancar dan memuaskan. Misi kami, selaras dengan syarikat induk PROTON, adalah untuk MENGINSPIRASIKAN HUBUNGAN dengan sentiasa menawarkan Teknologi Inovatif, Kebolehpercayaan dan standard antarabangsa. Proton e.MAS telah dilancarkan pada 12 Jun 2024.

Proton e.MAS

Facebook: <https://www.facebook.com/ProtonEMASOfficial/>

Instagram: <https://www.instagram.com/protonemasofficial/>

TikTok: <https://www.tiktok.com/@proton.e.mas/>

Issued by:

PRO-NET

Salawati Mohd Yusoff

Chief Branding Officer

Telephone: +6012-219 4581

Email: salawati@proton.com

Christopher Ng

Manager, PR & Communications

Telephone: +6012-818 7597

Email: christopher@proton.com

Agus Mohd Nawiah

Senior Executive, Public Relations

Telephone: +6017-232 6225

Email: agusmn@proton.com

For media enquiries, please contact H/Advisors Klareco on behalf of PRO-NET:

Menuka Vejasegaran

H/Advisors Klareco

Telephone: +6014 345 2006

Email: menuka.vejasegaran@h-advisors.global